

12 DEC 1996

PERWAJA AKAN PEROLEHI KEUNTUNGAN BERSIH RM100 JUTA MENJELANG 1998

KEMAMAN, 12 Dis (Bernama) -- Syarikat yang dilanda masalah kewangan Perwaja Steel Sdn Bhd bersedia untuk mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM100 juta menjelang tahun 1998 yang dijangka berganda kepada RM200 juta menjelang tahun 2000, kata ketua pegawai eksekutifnya Abu Talib Mohamed.

Ini adalah rancangan-rancangan perniagaan yang Equal Concept Sdn Bhd, pengurus sementara Perwaja, ada untuk firma keluli itu, katanya pada persidangan berita selepas lawatan ke kompleks keluli itu di sini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Abu Talib berkata bahawa dalam masa kurang daripada enam bulan sejak Equal Concept mengambil alih pada Julai lalu, Perwaja telah menyaksikan hampir 20 peratus pengurangan kos, sambil menambah bahawa ia sedang membuat keuntungan operasi sejak Oktober tahun ini.

Di samping itu, syarikat itu telah mengurangkan kos pengeluaran sebanyak RM200 satu tan sejak itu dan rancangan sedang dibuat untuk mengurangkan lagi kos sebanyak RM200 satu tan.

Ini akan dilakukan melalui meningkatkan produktiviti, membetulkan kelengkapan yang rosak dan mempertingkatkan keupayaan dan kemampuan, tambahannya.

Ia juga akan memerlukan latihan semula para pekerja, kata Abu Talib, sambil menambah bahawa 900 pekerja kumpulan itu dirancang untuk dilatih setiap tahun.

Beliau juga berkata bahawa kos telah diturunkan kerana Perwaja telah mengambil beberapa langkah untuk mengeluarkan barangan bernilai tinggi di bengkel kilangnya, dengan itu membalikkan cara lama berbuat sesuatu, iaitu membeli barangan bernilai tinggi dan mengeluarkan barangan bernilai kecil, terutamanya dalam mengeluarkan alat-alat ganti.

Mengenai cadangan pakej penyelamat dan penswastaaan, yang kini dipertimbangkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Abu Talib berkata ia menyentuh mengenai perancangan semula kewangan yang meliputi pelbagai pilihan seperti pinjaman jaminan kerajaan.

Cadangan itu menyerahkan isu ekuiti di dalam syarikat kepada kerajaan, sambil menambah bahawa sebarang perubahan di dalam pegangan saham syarikat tidak akan mempunyai sebarang pengaruh ke atas cadangan pakej kewangan itu.

Kepada satu soalan, katanya beliau menjangka untuk melihat permintaan kukuh bagi keluaran keluli sehingga tahun 2000 dan sebarang kemungkinan permintaan menurun disebabkan oleh sifat kitaran industri itu.

Ini akan bergantung kepada kemampuan Perwaja mempelbagaikan kegiatan ke dalam aktiviti-aktiviti hiliran dan nilai ditambah yang syarikat telah mula melaksanakan.

"Pada Oktober, Perwaja mengeluarkan gred keluli khasnya yang pertama dikenali sebagai "grade S45C," sejenis keluli acuan yang digunakan untuk membuat alat tambahan automotif yang dikeluarkan di Kompleks Perwaja Gurun di Kedah.

"Pembeli-pembeli berpuas hati dengannya dan telah membayangkan mereka mahu 20,000-25,000 tan setahun," katanya, sambil menambah bahawa S45C akan memperoleh 20-25 peratus harga lebih tinggi daripada keluli biasa.

Beliau juga berkata Perwaja akan mengeluarkan gred besi tanpa karat baru awal tahun 1998 sebagai sebahagian daripada langkah mempunyai pelbagai keluaran yang lebih luas untuk menentang sebarang kesukaran kitaran yang menjadi ciri-ciri industri keluli.

Di samping itu, Perwaja akan mempelbagaikan kegiatan ke dalam rekaan

kerangka keluli yang beliau jangka akan diterima baik.

Mengenai hutang Perwaja, katanya cadangan itu tidak menentukan tempoh sehingga bila ia akan dibayar balik kerana ia bergantung kepada pilihan perancangan semula yang kerajaan ingin ambil. -- BERNAMA

AD OS/sia